

# UNIMAS mahu Tonjol ke peringkat internasional

SAFRI ALI  
us selasa 2/6/11 m/si

KOTA SAMARAHAN, Isnin — Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang berhasrat mahu mencapai status sebuah universiti penyelidikan pada tahun 2020 kini giat menjalankan kajian dan penyelidikan yang boleh menonjolkan nama universiti hingga ke peringkat antarabangsa.

Naib Canselor UNIMAS Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid berkata, sejak tiga tahun kebelakangan ini UNIMAS memberi tumpuan khusus untuk meningkatkan profil universiti dengan menjalinkan kerjasama dengan universiti dari luar negara dalam bidang yang berkaitan dengan kajian dan penyelidikan.

Menurutnya, bagi terus memangkin bidang yang berkaitan dengan kajian dan penyelidikan universiti itu diperuntukkan geran untuk menjalankan kajian dan penyelidikan, selain mengadakan Memorandum Persefahaman (MOU) dengan agensi-agensi luar yang berkaitan serta pihak industri.

"Ini kita lakukan untuk terus memantapkan program akade-

mik di UNIMAS serta meningkatkan lagi kualiti graduan UNIMAS selari dengan ke-hendak pasaran kerja pada masa sekarang," katanya ketika mengadakan sidang akhbar selepas Majlis Ikrar Pelajar Sesi 2011/2012 Pusat Pengajian Pra-U UNIMAS di Dewan UNIMAS di sini hari ini.

Katanya, antara pasaran kerja yang diberi perhatian ialah usaha untuk memenuhi kehendak pasaran kerja yang ditawarkan dengan kewujudan Koridor Tengah Yang Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE).

"SCORE akan membuka banyak peluang pekerjaan dalam bidang teknikal. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab UNIMAS untuk menyediakan graduan yang boleh mengisi peluang pekerjaan dalam bidang teknikal melalui kursus-kursus yang ditawarkan," ujarnya.

Beliau memberitahu sejak kewujudannya UNIMAS telah berjaya menempatkan diri di kalan-gan 200 universiti terbaik di Asia dan salah sebuah universiti yang bertaraf penyelidikan di negara ini.